



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

10 MEI 2021 (ISNIN)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHRAL PENGGUNA

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

10 MEI 2021 (ISNIN)

Pasar Borong KL tutup

KPDNHEP tingkat pemantauan rantai bekalan

Putrajaya: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) kini meningkatkan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap rantai bekalan barangan berikutan penutupan Pasar Borong Kuala Lumpur bermula semalam hingga 16 Mei ini.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata pihaknya akan menilai situasi bagi memastikan bekalan barangan mencukupi, selain harga barang juga tidak terjejas menjelang sambutan Aidilfitri.

"KPDNHEP akan terus bekerjasama dengan agensi kerajaan yang terbabit seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan juga persatuan peniaga yang terbabit dalam isu ini.

"Walaupun insiden ini bukan kali pertama berlaku, situasi ini perlu ditangani de-

ngan baik supaya tidak dijadikan alasan untuk menaikkan harga barang tertentu," katanya menerusi kenyataan semalam.

Terdahulu, Dewan Bandarnya Kuala Lumpur (DBKL) dilaporkan menutup bahagian ikan pasar borong berkenaan berikutan beberapa kes COVID-19 membatikan operator dan pekerja di pasar itu.

Alexander turut meminta pengguna untuk terus menjadi mata dan telinga KPDNHEP serta menyalurkan maklumat peniaga yang melanggar undang-undang di ba-

wah bidang kuasa kementerian itu secara rasmi.

Aduan boleh disalurkan menerusi portal e-aduan KPDNHEP, Call Centre 1-800-886-800, e-mel kepada e-aduan@kpdnhep.gov.my, Ez ADU KPDNHEP, Pusat Arahan Penguatkuasaan (ECC) 03-8882 6088/6245 atau WhatsApp kepada 019-279 4317.

BERNAMA



Alexander Nanta Linggi

Penutupan pasar itu dijangka jejasakan bekalan barangan menjelang Aidilfitri

KPDNHEP pantau Pasar Borong KL

Oleh SUBKHI SUDARJI
dan ABDUL RAZAK IDRIS

PUTRAJAYA – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan mempertingkatkan pemantauan dan penguatkuasaan bagi menilai situasi yang mungkin boleh menjejaskan bekalan barang-barang perlu menjelang Hari Raya Aidilfitri susulan penutupan Pasar Borong Kuala Lumpur.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, pihaknya mengambil maklum tentang situasi pasar berkenaan yang ditutup bermula semalam ekoran penularan Covid-19 dalam kalangan peniaga dan pekerja.

Katanya, walaupun insiden itu bukan kali pertama berlaku, namun situasi tersebut perlu ditangani dengan baik supaya tidak dijadikan alasan untuk menaikkan harga barangan tertentu.

"Pemantauan melalui Ops Pantau akan terus dipergiatkan bagi meminimumkan kesan penutupan pasar borong tersebut."

"Pegawai-pegawai penguat kuasa akan terus melaksanakan tugas demi memastikan isu bekalan dan harga dapat ditangani



ANGGOTA penguat kuasa DBKL melakukan rondaan berkala di kawasan Pasar Borong Kuala Lumpur baru-baru ini. – GAMBAR HIASAN

ngani sebaiknya," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam. Sebelum ini, Dewan Bandaraya

Kuala Lumpur (DBKL) memutuskan untuk menutup operasi di bahagian ikan Pasar Borong

Kuala Lumpur bermula semalam hingga 16 Mei ini. Sementara itu, di **Selangor**,

kerajaan negeri mengumumkan sebanyak 16 lokasi pasar tani dan empat Selangor Agro Market (SAM) akan beroperasi di sekitar negeri ini selama tiga hari bagi memenuhi permintaan orang ramai sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 di negeri itu bermula semalam.

Kesemua pasar tani dan SAM tersebut diwujudkan bagi memastikan bekalan bahan mentah dan barangan keperluan asas mencukupi menjelang Aidilfitri.

Exco Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani Selangor, Ir. Izham Hashim berkata, selain itu, pelaksanaan pasar tani khas itu juga turut menawarkan promosi khas kepada pengunjung melibatkan tiga barangan keperluan iaitu daging lembu, ayam dan santan.

"Kita telah memperuntukkan dana sebanyak RM50,000 bagi pemberian subsidi di mana terdapat potongan harga bagi pembelian tiga barangan ini."

"Orang ramai menikmati potongan harga RM5 bagi sekilo daging, potongan RM3 bagi seekor ayam dan RM2 bagi sekilo santan," katanya.

KPDNHEP pantau bekalan barangan

Putrajaya: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan meningkatkan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap rantaian bekalan barangan susulan penutupan Pasar Borong Kuala Lumpur bermula semalam hingga 16 Mei hadapan.

Menterinya Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, pihaknya akan menilai situasi bagi memastikan bekalan barangan mencukupi selain harga barang juga tidak terjejas menjelang sambutan Aidilfitri.

"KPDNHEP akan terus bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang terbabit seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan juga persatuan-persatuan peniaga yang terbabit dalam isu ini.

"Walaupun insiden ini bukan kali pertama berlaku, situasi ini perlu ditanga-

ni dengan baik supaya ia tidak dijadikan alasan untuk menaikkan harga barang-barang tertentu," katanya semalam.

Sebelum ini dilaporkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memutuskan menutup operasi bahagian ikan di pasar borong itu berikutan ada beberapa kes Covid-19 membabitkan operator dan pekerja di pasar berkenaan.

Alexander turut menyeru pengguna terus menjadi mata dan telinga KPDNHEP serta menyalurkan maklumat berkaitan salah laku peniaga yang melanggar undang-undang di bawah bidang kuasa kementerian itu secara rasmi.

Aduan boleh disalurkan menerusi portal e-aduan KPDNHEP; Call Centre

1-800-886-800, e-mel kepada e-aduan@kpdnhep.gov.my, Ez ADU KPDNHEP, Pusat Arahan Penguatkuasaan (ECC) 03-8882 6088/6245 atau WhatsApp kepada 019-279 4317.



ALEXANDER

Steps to ensure no shortage of essentials

PUTRAJAYA: The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry is adopting measures to ensure that the supply of essential items is not affected by the partial closure of the wholesale market in Selayang.

Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi said the ministry's enforcement division would increase monitoring and enforcement operations in the run-up to Aidilfitri, which is expected to fall on May 13.

"The ministry will continue to work with other government agencies such as the Federal Agricultural Marketing Authority and Fisheries Development Authority and also traders' associations.

"Although this is not the first time this is being done, the situation must be handled properly so that it will not be used as an excuse to raise prices of certain items," he said in a statement yesterday.

Alexander also said monitoring of the situation would be intensified to minimise the impact of the closure.

He added that the ministry consistently conducts inspections and monitoring to ensure all parties adhere to trade laws.

"The ministry will not hesitate to take stern action against any parties who try to exploit the situation, especially by raising prices indiscriminately."

He said consumers can become the eyes and ears of the ministry by providing information on improper trade practices.

Complaints can be forwarded to the ministry's portal e-aduan@kpdnhep.gov.my, email at e-aduan@kpdnhep.gov.my, via the EzADU KPDNHEP app, the Enforcement Command Centre at 03-8882 6088/6245 or via WhatsApp at 019-279 4317. – Bernama



Harga siling daging RM34 sekilogram

12 peniaga ingkar dikompaun RM3,000

KPDNHEP tak kompromi ambil tindakan tegas jual melebihi harga siling ditetapkan

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memberi amaran, tindakan tegas menanti peniaga daging yang menjual melebihi paras siling RM34 sekilogram (kg) seperti ditetapkan mengikut Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Hari Raya Puasa 2021.

Ketegasan itu sudah terbukti apabila 13 peniaga daging sudah dikenakan tindakan, termasuk 12 dikenakan kompaun RM3,000 bagi kesalahan berkenaan, manakala satu lagi masih dalam siasatan.

Timbalan Menteri, Datuk Rosol Wahid, menegaskan yang penetapan harga RM34/kg bagi daging tempatan itu dibuat selepas perbincangan dengan pihak berkepentingan, khususnya penggerak industri dan agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

"Kita sudah menyemak perkara itu dan memutuskan untuk mengekalkan harga RM34 sekilogram



Peniaga daging lembu tempatan mendakwa dihipit isu harga siling dalam tinjauan di di Pasar Besar Jalan Othman, Petaling Jaya, semalam.
(Foto Rohanis Shukri /BH)

bagi bekalan daging tempatan.

"Harga ini bukan kita letak suka-suka atau memandai-mandai, sebaliknya selepas mengadakan libat urus dan persetujuan bersama penggerak pemain industri dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar, selain pemantauan harga oleh Bahagian Harga Barang Negara," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Beliau mengulas tindakan kebanyakan peniaga daging tempatan yang didakwa menjual barangan keperluan itu mengikut harga pasaran tanpa mematuhi ketetapan kerajaan dalam SHMMP.

Susulan tindakan itu, harga daging tempatan kini dilaporkan

dijual antara RM38 hingga RM42/kg berbanding RM34/kg seperti ditetapkan KPDNHEP dalam SHMMP.

Rosol mendedahkan, ada peniaga menjual daging tempatan pada harga lebih rendah di se-setengah kawasan iaitu RM32/kg berbanding harga runcit ditetapkan dalam SHMMP 2021.

Katanya, antara kawasan itu ialah beberapa pasar di Terengganu seperti Pasar Ajil, Pasar Batu 6, Pasar Kuala Berang, Pasar Bukit Besar dan Pasar Payang.

"Begitu juga beberapa pasar di Kelantan yang kita dapati menjual bekalan daging pada harga lebih rendah antaranya di Pasar

"Harga ini bukan kita letak suka-suka atau memandai-mandai, sebaliknya selepas mengadakan libat urus dan persetujuan bersama penggerak pemain industri"

Rosol Wahid,
Timbalan Menteri
Perdagangan
Dalam Negeri
dan Hal
Ehwal
Pengguna



Besar Machang dan Pasar Besar Gua Musang," katanya.

Rosol berkata, sebanyak 59 kes dikesan membabitkan penjualan barangan melebihi harga SHMMP setakat semalam, sejak skim harga itu berkuat kuasa 21 April lalu.

Beliau berkata, 13 daripada kesalahan membabitkan penjualan bekalan daging tempatan melebihi SHMMP.

"Sebanyak 13 kes membabitkan penjualan daging tempatan melebihi SHMMP, namun 12 dikenakan kompaun manakala satu kes masih dalam siasatan.

"Jumlah kompaun dikenakan kepada peniaga yang menyalahi

Penjual daging ingkar harga siling sedia ke mahkamah



Keratan akhbar BH, semalam.

bekalan daging tempatan melebihi harga maksimum ialah RM3,000.

"Kami minta pihak yang mempunyai maklumat pelanggaran SHMMP supaya melaporkan perkara itu kepada kami untuk diambil tindakan melalui unit bergerak," katanya.

Rosol berkata, pihaknya menasihatkan peniaga berkompromi dan memahami keadaan pengguna, selain masalah COVID-19 yang dihadapi kini dengan mematuhi SHMMP.

Beliau berkata, pihak yang melanggar skim harga maksimum boleh dikenakan hukuman mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

"Harga ditetapkan ini bersesuaian, asalkan mereka tidak mengalami kerugian dan tidak membebankan pengguna dan peniaga," katanya.

Sejak dilancarkan, SHMMP merekodkan 244 kes iaitu 13 kesalahan dilakukan pemborong dan 231 oleh peruncit.

Katanya, kesalahan paling banyak direkodkan ialah kegagalan peniaga meletakkan tanda harga iaitu 106 kes.

Rosol berkata, 79 kesalahan tidak meletakkan tanda harga khas berwarna merah jambu dan baki 59 menjual melebihi harga maksimum.

"Nilai kompaun yang dikeluarkan keseluruhannya sehingga semalam ialah RM37,750 dan nilai sitaan RM24,992.97.

"Negeri paling banyak merekodkan kesalahan ialah di Johor sebanyak 68 kes, 38 di Sarawak dan 28 di Terengganu," katanya.

Penternak lembu dakwa mungkin 'tutup kedai'

Kuala Lumpur: Golongan penternak lembu mendakwa mereka mungkin terpaksa 'tutup kedai' berikutan kerugian yang dialami susulan kawalan harga bekalan daging yang ketat pada kadar yang tidak memadai.

Pengerusi Zon Selatan Kelab Generasi Transformasi Ruminan, Kamarruzaman Abdul Jalil, berkata penetapan harga RM34 sekilogram (kg) bagi daging tempatan menerusi Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Hari Raya Puasa 2021 didakwa merugikan penternak dan peruncit.

Beliau mendakwa, harga RM34/kg itu adalah 'harga' lama yang diguna pakai sejak tiga tahun lalu dan sudah tidak bersesuaian

dengan situasi semasa, apatah lagi ketika penternak terpaksa menampung kenaikan kos makanan ternakan sehingga 50 peratus.

"Harga RM34 ini adalah harga siling pada 2018 hingga 2020 yang bagi saya tidak memadai dan tidak berada pada situasi yang adil untuk penternak dan peruncit daging."

"Ia boleh menyebabkan kami kerugian atau hanya mendapat keuntungan sangat sedikit. Malah jika keadaan ini berterusan akan menyebabkan banyak penternak lembu tutup kedai kerana industri ini tidak memberi keuntungan," katanya ketika dihubungi BH, di sini hari ini.

Beliau berkata demikian bagi mengulas tindakan kebanyakan

peniaga daging tempatan kini menjual barangan keperluan itu mengikut harga pasaran tanpa mematuhi ketetapan kerajaan dalam SHMMP.

Susulan tindakan itu, harga daging tempatan kini dijual di antara RM38 hingga RM42/kg berbanding RM34/kg seperti ditetapkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dalam SHMMP.

Pada masa sama, Kamarruzaman mendakwa harga yang dipersetujui di antara peniaga dan pengguna bagi daging tempatan adalah antara RM38 hingga RM40 kerana sudah diamalkan sejak tahun lalu.

"Namun ia mula menjadi isu apabila KPDNHEP mengeluarkan

kan harga siling 2021 pada kadar RM34/kg.

"Sewajarnya kerajaan mengkaji situasi COVID-19 yang sangat memberi kesan kepada harga ternakan dan pelbagai peningkatan kos pada tahun ini sebelum meletakkan harga siling," katanya.

Beliau mendakwa, harga siling ditetapkan kerajaan tidak selari perkembangan semasa dan tidak dibawa berbincang terlebih dahulu di antara peruncit daging dan penternak lembu.

"Di sudut penternak, kos makanan sudah naik di antara 30 hingga 50 peratus begitu juga dengan harga ternakan sepanjang 2018 hingga 2021.

"Di sudut peruncit daging pula, sejak COVID-19 tempoh masa per-

niagaan yang pendek, kos buruh, sewa dan jualan yang berkurang meningkatkan kos perniagaan.

"Berikutan itu, mereka terpaksa menaikkan harga bagi menampung kos," katanya.

Sementara itu, aktivis penternak, Mohd Faisal Idris, mendakwa penetapan harga RM34/kg bagi bekalan daging tempatan itu tidak tepat dengan situasi semasa.

"Jika ada perbincangan di antara kementerian dan pihak berkepentingan, apakah mungkin mereka tidak dapat harga yang tepat?"

"Tiada penjual yang boleh menjual pada harga RM34 itu kerana kenaikan harga sumber makanan dalam pasaran," katanya.

Tindakan drastik banteras ketirisan barang subsidi ke Thailand

Satu lesen satu syarikat

Oleh **MAISARAH SHEIKH RAHIM**
maisarahrahim@mediamail.com.my

PUTRAJAYA: Satu lesen untuk satu syarikat antara empat tindakan drastik akan dikuatkuasa bagi mengekang ketirisan barangan subsidi di sempadan ne-

gara daripada terus berleluasa.

Selain itu, pihak berkuasa juga boleh menggantung dan menarik balik kuota dan lesen minyak masak ke atas syarikat yang didapati terbabit melakukan penyelewengan dan penye-

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengarah Penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Azman Adam berkata, pihaknya memandang serius isu ketirisan barang bersubsidi ke luar negara, justeru, antara

tindakan utama ialah memper-
timbangkan untuk mengeluarkan hanya satu lesen iaitu sama ada lesen borong atau runcit kepada satu syarikat sahaja untuk mengelakkan berlakunya penyelewengan.

Beliau berkata, pada masa

ini setiap syarikat boleh memiliki lebih daripada satu lesen menyebabkan kesukaran untuk membanteras penyalahgunaan barangan subsidi.

Bersambung di muka 6

Satu lesen satu syarikat

Dari muka 1

Menurut beliau, tindakan lain ialah menggantung dan menarik balik kuota dan lesen minyak masak ke atas syarikat pemborong dan melakukan penyelewengan dan penyeludupan.

"Satu arahan akan dirangka berhubung larangan ke atas mana-mana syarikat pemborong dan pembungkus menyalurkan minyak masak dari negeri-negeri lain ke negeri bersempadan dengan Thailand iaitu Perlis, Kedah, Perak dan Kelantan.

"Selain itu, membuat penilaian dan penyelarasan semula ke atas jumlah kuota minyak masak oleh syarikat pembungkus yang beroperasi di negeri-negeri bersempadan negara supaya diselaraskan dengan nisbah keperluan penggunaan isi rumah dan keluasan kawasan," katanya di sini semalam.

Sabtu lalu, laporan *Utusan Malaysia* mendedahkan kegiatan penyeludupan barang bersubsidi dari Malaysia ke Thailand yang tidak pernah 'tidur' di sepanjang Sungai Golok di negeri ini yang didakwa membantu menjana industri kecil dan sederhana (IKS) di negara jiran itu.

Sumber memberitahu, perkara itu bukan baharu tetapi di-



AZMAN ADAM

warisi dengan barangan subsidi Malaysia tersebut dijenamakan semula sebelum dijual di merata tempat seperti Golok dan Pattani yang terletak dalam wilayah Narathiwat.

Azman berkata, bagaimanapun, tindakan penguatkuasaan bersepadu terus dilakukan bagi kawalan barangan subsidi bolos di sempadan iaitu kawalan penjualan minyak petrol dan diesel di stesen minyak berdasarkan radius 50 kilometer dari sempadan negara di sebelah utara tanah air dan 25 kilometer di selatan negara.

Bagi tujuan itu, katanya, pe-

mantauan itu boleh dinilai melalui peti dan buku lawatan KP-DNHEP yang diletakkan di 281 stesen minyak di negeri-negeri bersempadan yang dikuatkuasakan sejak awal Mac lalu sekali gus memberi impak baik kerana lawatan mengejut ke atas stesen-stesen minyak itu sukar dibaca pihak-pihak tertentu.

Beliau memberitahu, kerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan lain terus ditingkatkan seperti Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi mengatasi pengaliran keluar minyak masak bersubsidi ke negara jiran.

Dalam pada itu, Azman berkata, penguatkuasaan KP-DNHEP tidak pernah 'tidur' dalam memerangi kegiatan penyelewengan barangan subsidi apabila merekodkan 2,256 kes berjaya dihasilkan sejak tahun 2017 hingga April lalu untuk enam jenis barangan kawalan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

Katanya, sebanyak RM74.72 juta keseluruhan nilai rampasan berjaya diperoleh melalui rampasan diesel, petrol, minyak masak, gas petroleum cecair (LPG), gula dan tepung gandum dalam

tempoh sama.

"Peranan KP-DNHEP dalam membanteras ketirisan barang bersubsidi ke negara jiran ialah menjadikan penguatkuasaan dan pematuhan ke atas syarikat atau industri yang terlibat dengan barang kawalan sebagai sasaran utama dilaksanakan di seluruh KP-DNHEP negeri dan cawangan.

"Pengauditan rantaian bekalan atau pengedaran barang bersubsidi dilaksanakan secara intensif dan komprehensif bermula pengilang, pemborong dan peruncitan," katanya.

Beliau menambah, pengauditan berterusan dapat mengesan penyelewengan di peringkat awal, melalui deklarasi stok untuk mengesan aliran pergerakan bekalan barang bersubsidi melalui rantaian pengedaran.

Katanya, satu pasukan *task force* turut ditubuhkan bagi menjalankan nazar barang bersubsidi untuk meningkatkan kekerapan pengauditan terhadap rantaian pengedaran dengan memberi tumpuan di negeri bersempadan dengan negara jiran.

"Risikanya ke atas pengilang, pembungkus, pemborong dan peruncit yang disyaki cuba untuk menyeleweng barang bersubsidi ke negara jiran," katanya.

KES MENGIKUT JENIS BARANG KAWALAN DI BAWAH AKTA KAWALAN BEKALAN 1961 DARI TAHUN 2017 SEHINGGA APRIL 2021

BARANG BERSUBSIDI JUMLAH KES DIHASILKAN

Diesel	356
Petrol	322
Minyak Masak	335
LPG	879
Gula	256
Tepung Gandum	108

Jumlah Keseluruhan 2,256

Nilai Rampasan Mengikut Jenis Barang Kawalan Bersubsidi Di Bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 Dari Tahun 2017 Sehingga April 2021

BARANG BERSUBSIDI JUMLAH (RM)

Diesel	14,959,165
Petrol	2,243,983
Minyak Masak	15,588,594
LPG	12,750,808
Gula	28,946,915
Tepung Gandum	233,238

Jumlah Keseluruhan Nilai Rampasan (RM) 74,722,702

Senarai Harga Barang Keperluan		Senarai Harga Barang Keperluan		Senarai Harga Barang Keperluan		Senarai Harga Barang Keperluan	
	- Ayam RM6.99 - Daging Lembu Tempatan RM34 - Daging Lembu Import RM24	- Telur Gred A RM10 - Ikan Kembung RM8.90 - Minyak Masak RM5.90	- Gula Pasir RM1.99 - Bawang Besar Holland RM3.19 - Bawang Putih RM4.89	- Cili Merah RM5.50 - Kubis Bulat Tempatan RM1.95 - Tepung Gandum RM2.09			

**Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP*